

17/11/1999

Karnival Langkawi di tujuh lokasi

Wan Jailani Razak

MUSIM pilihan raya umum ke-10 dan Pameran Udara Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (Lima) '99 dijangka tambah meriah dengan tersedianya 220 acara menerusi program 'Karnival Langkawi' selama 16 hari bermula 20 November ini.

Ini kerana selain tertarik dengan kibaran bendera parti yang bertanding di sepanjang jalan dan ceruk kampung di sini, pengunjung berpeluang singgah di tujuh lokasi yang sudah ditentukan untuk menyaksikan acara yang disediakan.

Lokasi berkenaan adalah lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi di Padang Matsirat, Laman Padi, Dataran Lang, Kompleks Jetty Point, Kompleks Budaya Kraf, medan letak kereta Kompleks Lada dan Legenda Langkawi Dalam Taman.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dijadual merasmikan karnival itu di Dataran Lang pada sebelah malam, 20 November ini. Karnival Langkawi itu adalah hasil cetusan idea beliau yang mahu melihat Langkawi lebih ceria dengan pelbagai acara berbentuk persembahan kebudayaan dan hiburan untuk pengunjung.

Harus diingat, karnival itu bagaimanapun bukan diadakan untuk kita membuang masa atau berseronok tetapi lebih kepada mewujudkan suasana yang lebih baik untuk dinikmati pelancong luar negara, domestik dan rakyat tempatan.

Pengurus Besar Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada), Datuk Abdul Halil Mutalib, berkata semua acara itu akan berlangsung pada sebelah siang hingga malam dan sebagai persediaan, sebanyak 23 feri akan beroperasi seawal jam 6 pagi hingga 11 malam dengan kapasiti penumpang sehingga 12,000 orang sehari untuk laluan ulang-alik dari Kuala Perlis dan Kuala Kedah.

"Kita mahu menarik seberapa ramai pelawat untuk tinggal lebih lama di sini menerusi aktiviti yang berterusan sehingga 6 Disember nanti," katanya pada sidang akhbar di sini, baru-baru ini.

Antara acara karnival ialah pertunjukan pentas oleh artis terkenal tanah air, pameran, larian bulan purnama, demonstrasi kraftangan, pertandingan melukis dan mewarna, persembahan jikey, pertunjukan ular dan Pesta Coklat '99.

Turut mengadakan persembahan ialah kumpulan kesenian dari lapan negeri termasuk Kedah dan tatu Angkatan Tentera Malaysia (ATM) pada 30 November dan 3 Disember di Kompleks Sukan Langkawi.

Antara agensi terbabit menjayakan program itu ialah Malaysia Airports Berhad, Jetty Point, Hotel Awana Porto Malai, Langkawi Crystal, Laman Padi dan Kampung Tok Senik Resort. Lada akan mencetak lebih banyak senarai program terbabit untuk diedarkan ke hotel di Langkawi bagi hebahan kepada pengunjung.

Dalam pada itu, orang ramai yang menghadapi masalah mendapatkan penginapan ketika Lima '99 boleh pulang pada hari yang sama. Ini kerana setakat ini lebih 80 peratus bilik hotel, khususnya bertaraf lima bintang telah ditempah bersama bayaran pendahuluan.

Sekali lagi kemudahan di tempat menunggu di Jeti Kuah berbangkit pada sidang akhbar itu. Ia perlu diberi perhatian kerana Jeti Kuah adalah pintu masuk utama dari Kedah, Perlis dan Pulau Pinang.

Sebarang kepincangan di jeti berkenaan akan menjejaskan promosi menarik pelancong ke Langkawi. Tiada erti program menarik yang diatur jika langkah terakhir pengunjung dihidangkan dengan pengurusan yang tidak sistematik.

Menyedari hakikat itu, Lada sedia membantu menambah kemudahan di tempat menunggu di Jeti Kuah termasuk memasang sistem pembesar suara dan papan tanda elektronik untuk maklumat perjalanan feri sepanjang Lima '99 dari 30 November hingga 5 Disember ini. Pihak terbabit seperti Jabatan Laut boleh membuat langkah susulan mengenai perkara ini.

(END)